



## DASAR DAN PRINSIP PENTAKSIRAN PENGAJIAN POLITEKNIK KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- Nama Dasar : Dasar dan Prinsip Pentaksiran
- Tujuan Dasar : Untuk memastikan keadilan dan kewajaran pelaksanaan pentaksiran pengajian politeknik
- Kelulusan Dasar Oleh : Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi
- Tarikh Lulus/Berkuatkuasa : 28 Julai 2011

Disahkan oleh,

.....  
**MEJAR (K) HAJI MD. NOR BIN YUSOF**  
KETUA PENGARAH

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
MALAYSIA

## **PERNYATAAN DASAR**

Dasar dan prinsip pentaksiran pengajian politeknik Kementerian Pengajian Tinggi menggariskan beberapa prinsip dan arahan yang perlu diikuti dan dipatuhi. Dasar ini digunakan sebagai garis panduan oleh pelajar, pensyarah dan politeknik bagi mewujudkan keseragaman dalam pengendalian segala urusan yang berkaitan dengan peperiksaan atau lain-lain bentuk penilaian.

### **1. PENGENALAN**

Pentaksiran pengajian politeknik adalah proses penilaian hasil pembelajaran pelajar dari segi pengetahuan dan kemahiran termasuk kemahiran insaniah. Tujuan utama pentaksiran merangkumi perkara-perkara berikut :

- a. Pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), untuk memberi maklumbalas kepada pelajar dan pensyarah bagi tujuan memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran.
- b. Pentaksiran terhadap pembelajaran (*assessment of learning*) untuk mengukur apa dan sejauh mana yang telah dipelajari oleh pelajar, dan seterusnya boleh digunakan untuk meningkatkan hasil pembelajaran kursus dan program.
- c. Pentaksiran untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan jaminan kualiti dan akauntabiliti sistem pengajian politeknik.

### **2. PRINSIP-PRINSIP PENTAKSIRAN**

#### **2.1 Pentaksiran yang mempunyai nilai kebolehpercayaan**

Kebolehpercayaan pentaksiran menitikberatkan kepada pentaksiran yang tepat yang sentiasa memberikan hasil keputusan yang sama. Ini melibatkan proses penggubalan dan penyaringan soalan, pemarkahan, penggredan, dan moderasi pentaksiran yang jelas dan selaras.

**2.2 Pentaksiran yang mempunyai nilai kesahan**

Kesahan memastikan aktiviti dan kriteria pentaksiran yang dilaksanakan dapat mengukur hasil pembelajaran yang berkesan dan relevan.

**2.3 Maklumat mengenai pentaksiran yang telus dan mudah dicapai**

Maklumat yang jelas, tepat, dan seragam mengenai aktiviti dan prosedur pentaksiran disediakan dan disampaikan kepada pelajar, pensyarah dan penilai luar dalam jangka masa yang ditetapkan.

**2.4 Pentaksiran yang adil dan fleksibel**

Politeknik memastikan aktiviti dan prosedur pentaksiran dilaksanakan tanpa mendiskriminasikan mana-mana individu samada berlainan etnik, kaum, jantina atau orang kurang upaya malah dapat memenuhi keperluan setiap individu.

**2.5 Pentaksiran yang memenuhi matlamat program dan hasil pembelajaran**

Aktiviti pentaksiran yang disediakan merangkumi domain-domain pembelajaran berikut :

- a) pengetahuan
- b) kemahiran praktikal
- c) kemahiran komunikasi
- d) pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
- e) kemahiran sosial dan tanggungjawab
- f) pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat
- g) kemahiran keusahawanan
- h) profesionalisma, etika dan moral
- i) kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan

**2.6 Pengurusan jadual pelaksanaan dan bilangan aktiviti pentaksiran yang terancang**

Pengurusan jadual pelaksanaan dan bilangan aktiviti pentaksiran yang terancang dan teliti menghasilkan pencapaian hasil pembelajaran yang sah dan bolehpercayaan tanpa membebankan pensyarah mahupun pelajar.

**2.7 Pentaksiran formatif dan sumatif terangkum dalam setiap tahap dan program**

Pentaksiran formatif merupakan penilaian yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang tempoh pengajian dan pentaksiran sumatif merupakan penilaian di akhir suatu tempoh tertentu bagi menilai pencapaian hasil pembelajaran pelajar.

**2.8 Maklumbalas merupakan antara bahagian utama proses pentaksiran**

Maklumbalas yang jelas, lengkap dan terperinci bagi setiap aktiviti pentaksiran disediakan dan disampaikan kepada pelajar dalam jangka masa yang ditetapkan.

**2.9 Setiap program/tahap merangkumi pelbagai kaedah pentaksiran**

Pelbagai kaedah pentaksiran dirancang dan dilaksanakan untuk menghasilkan aktiviti pembelajaran yang berkesan dan pengukuran hasil pembelajaran yang sewajarnya.

**2.10 Kawalan plagiat melalui rekabentuk aktiviti pentaksiran**

Plagiat dikawal dan diminimumkan melalui rekabentuk dan pemantauan aktiviti pentaksiran yang teliti.

### **3. ARAHAN DAN PERATURAN**

#### **3.1 Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik**

Lembaga bertanggungjawab menggubal, melulus dan memantau setiap polisi berkaitan dengan pentaksiran, seperti mana tertakluk dibawah Akta Pendidikan 1996; Peraturan-Peraturan Pendidikan (Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik) 1997 dan Akta 174. Lembaga juga bertanggungjawab meluluskan semua keputusan peperiksaan dan penganugerahan sijil pelajar. Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi bertindak sebagai Urusetia Lembaga.

#### **3.2 Kerangka Kelayakan Malaysia**

Pemerkasaan Transformasi Pentaksiran melibatkan penyelarasan dari segi kefahaman terhadap kurikulum, penterjemahan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta amalan pentaksiran yang memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia.

#### **3.3 Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Kerja Kursus**

Penilaian Kerja Kursus bertujuan untuk mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan dan untuk meningkatkan keberkesanan dan pembangunan penilaian dalam sistem pentaksiran. Penilaian Kerja Kursus dapat membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan tahap pencapaian pelajar, meningkatkan keseragaman hasil pembelajaran pelajar dari pelbagai latar belakang serta dapat meningkatkan kemahiran belajar. Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Kerja Kursus menghuraikan konsep dan kaedah pelaksanaan pentaksiran secara berterusan di politeknik.

### **3.4 Garis Panduan Pengurusan Bank Item dan Peraturan Pemarkahan Politeknik**

Pentaksiran sumatif melibatkan peperiksaan akhir yang dilaksanakan di akhir setiap semester semua politeknik dan diselaraskan dari segi item peperiksaan dan jadual waktu peperiksaan. Garis panduan ini mendokumenkan proses-proses perancangan, penggubalan item, penyaringan dan pemilihan item, penyediaan item lengkap, penyimpanan Bank Item serta proses analisis item peperiksaan.

### **3.5 Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian**

Amalan pentaksiran hendaklah dijalankan mengikut Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian yang menghuraikan pengurusan peperiksaan, pelaksanaan dan pengawasan peperiksaan, serta kaedah penilaian dan tatacara rayuan keputusan.

### **3.6 Garis Panduan Moderasi Pemeriksaan Skrip Jawapan Peperiksaan**

Panduan ini menetapkan keperluan minimum untuk pelaksanaan moderasi pemeriksaan skrip jawapan peperiksaan di politeknik. Proses moderasi ini dapat menjamin pemarkahan skrip jawapan pelajar dilaksanakan secara adil dan konsisten.

### **3.7 Kerahsiaan dan Keselamatan**

Setiap politeknik, bahagian, unit atau individu-individu yang berhubung dengan pembangunan dan penyediaan instrumen penilaian perlu memastikan kerahsiaan dan keselamatan fizikal dipatuhi sepenuhnya. Semua individu (akademik dan bukan akademik) dikehendaki memahami dan menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.

Kandungan Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian serta Garis Panduan Pengurusan Bank Item dan Peraturan Pemarkahan di antara lain menggariskan prosedur kerahsiaan dan keselamatan yang perlu dipatuhi oleh semua yang terlibat.

### **3.8 Akta 174**

Pelajar-pelajar yang melanggar Peraturan Peperiksaan seperti yang terkandung dalam Bahagian II boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukan di bawah Bahagian V dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar) 1976 – Akta 174.